


PENGELUARAN UMUR 60 TAHUN

Bersiap sedia untuk peralihan persaraan



KELAYAKAN



Ahli warganegara Malaysia atau bukan warganegara



Ahli mencapai umur 60 tahun



Ahli mempunyai simpanan KWSP dalam Akaun Emas/Akaun 55

KAEDAH PENGELUARAN

Ahli dinasihatkan untuk membuat perancangan persaraan dan memilih Pengeluaran Umur 60 Tahun secara fleksibel mengikut kelayakan kaedah pengeluaran berikut:

	Warga-negara	Bukan Warganegara	
		Berdaftar sebelum 1 Ogos 1998	Berdaftar pada/selepas 1 Ogos 1998
KESEMUA SIMPANAN <ul style="list-style-type: none"> Permohonan pada bila-bila masa. 	✓	✓	✓
SEBAHAGIAN SIMPANAN <ul style="list-style-type: none"> Tiada had amaun minimum. Permohonan pada bila-bila masa. 	✓	✓	✗
BAYARAN BULANAN <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran minimum RM1,200.00 iaitu RM100.00 sebulan untuk sekurang-kurangnya 12 bulan. Had tempoh maksimum bayaran bulanan sehingga umur 100 tahun. 	✓	✓	✗
KOMBINASI <ul style="list-style-type: none"> Sebahagian simpanan dan bayaran bulanan. 	✓	✓	✗
PENGELUARAN DIVIDEN SECARA SEKALIGUS (LUMP SUM) <ul style="list-style-type: none"> Permohonan bayaran dividen tahunan ke atas simpanan tahun sebelumnya. 	✓	✓	✗
PENGELUARAN DIVIDEN SECARA BULANAN <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran minimum RM600.00 iaitu RM100.00 sebulan untuk sekurang-kurangnya 6 bulan. Tempoh bayaran 6 hingga 12 bulan. 	✓	✓	✗
PENGELUARAN UMUR 60 TAHUN (PELABURAN) <ul style="list-style-type: none"> Pindahan simpanan dari Akaun Emas/Akaun 55 hanya dibenarkan kepada Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh KWSP. Permohonan pada bila-bila masa. Jumlah pindahan minimum RM1,000.00 Perlu mengekalkan simpanan minimum RM1,000.00 dalam akaun KWSP. Permohonan secara dalam talian melalui i-Akaun (Ahli). 	✓	✓	✗





PERHATIAN BAGI PENGELUARAN UMUR 60 TAHUN (PELABURAN):

Ahli bertanggungjawab atas risiko pindahan simpanan yang dibuat ke IPD

KWSP tidak bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerugian

Ahli tidak akan memperoleh dividen yang diisytiharkan oleh KWSP ke atas amaun yang dipindahkan ke IPD

KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pindahan simpanan yang dibuat oleh ahli ke IPD

Urusan pelaburan adalah diantara ahli dan IPD

Bagi ahli berstatus pekerja berpencen, risiko pindahan amaun pengeluaran tersebut adalah termasuk jumlah yang boleh dituntut oleh Kerajaan melalui pembayaran ganjaran atau pencen

SYARAT TAMBAHAN BAGI PEKERJA BERPENCEN



PENGIRAAN AWAL SYER KERAJAAN (Pre-PEN) atau PEN 15/16

Ahli yang belum membuat pengeluaran Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen/Pesara Pilihan (SPPB/SPP) dan pengiraan syer kerajaan (PEN 15/16) perlu memberi keutamaan kepada pemprosesan pengiraan awal syer kerajaan (Pre-PEN) atau PEN 15/16 (mana-mana yang diterima terlebih dahulu). Tujuannya adalah bagi memastikan pengiraan akhir dan pengembalian syer kerajaan dibuat kepada KWAP untuk proses bayaran ganjaran.

KELAYAKAN PENGELUARAN BAGI PEKERJA BERPENCEN



Ahli boleh memilih Pengeluaran Umur 60 Tahun secara fleksibel mengikut kelayakan pengeluaran yang ditetapkan sekiranya masih mempunyai baki simpanan di KWSP setelah pengembalian caruman syer kerajaan kepada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

SALURAN PERMOHONAN



i-Akaun (Ahli)



i-Akaun (Rakan Niaga)



Kaunter



Mel

Daftar i-Akaun

MyKad/Dokumen Pengenalan Diri

Borang Pengeluaran KWSP 9B (AHL)

Daftar nombor telefon bimbit di pejabat KWSP (untuk penerimaan *Transaction Authorisation Code (TAC)*)

Maklumat Akaun Bank Simpanan/Semasa ahli

MyKad/Dokumen Pengenalan Diri (yang disahkan)

Permohonan secara dalam talian

Borang Pengeluaran KWSP 9B (AHL) – untuk bukan pemegang MyKad

Borang KWSP 3 (pindaan)

KAEDAH BAYARAN

BAYARAN DALAM MALAYSIA



Pengkreditan terus ke Akaun Bank Simpanan/Semasa ahli yang aktif



Cek Jurubank

BAYARAN LUAR MALAYSIA



Draf Bank Asing

- Matawang asing pilihan ahli adalah tertakluk kepada jenis matawang yang disenaraikan oleh KWSP.
- Jika matawang pilihan ahli tiada dalam senarai KWSP, bayaran akan dibuat dalam matawang US Dollar.

INFO

Layari laman web rasmi KWSP untuk maklumat lanjut



KWSP | EPF